



Rujukan : UKM.IDE.800-3/1/1  
Tarikh : 27 September 2023

**YBrs. Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar bin Nayan**  
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBrs. Prof Madya Ir. Dr.,

**JEMPUTAN SEBAGAI PANEL PEMBIMBING BAGI SESI BIMBINGAN DAN PEMANTAPAN  
KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN GERAN THE SUMITOMO 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pusat IDEA UKM dengan kerjasama Kluster Penyelidikan akan menganjurkan Sesi Bimbingan dan Pemantapan Kertas Cadangan Penyelidikan Geran Sumitomo 2023 seperti ketetapan yang berikut:

**Tarikh : 2 Oktober 2023 (Isnin)**  
**Masa : 9:00 pagi hingga 4:00 petang**  
**Tempat : Ruang Siswazah Institut  
Islam Hadhari, UKM**

3. Untuk makluman YBrs. Prof Madya Ir. Dr. program ini akan dihadiri oleh pelbagai lapisan penyelidik dari pelbagai Fakulti/Institut/Pusat yang berpotensi, berminat dan ingin mendapatkan bimbingan dalam membida geran yang ditawarkan oleh pihak berkepentingan. Justeru, besarlah harapan kami agar YBrs. Prof Madya Ir. Dr. sudi menerima undangan kami yang pastinya akan memberikan banyak manfaat kepada para penyelidik di UKM dalam usaha untuk bersama-sama membantu peningkatan penyelidikan yang relevan dan berimpak kepada negara khususnya.

4. Di atas kelapangan masa dan sokongan YBrs. Prof Madya Ir. Dr. berhubung perkara ini saya dahului dengan ucapan penghargaan dan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

**PROFESOR DR. JAMIA AZDINA JAMAL**  
Pegarah  
Pusat IDEA UKM

s/k **YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Zawiah binti Wan Zin @ Wan Ibrahim**  
Timbalan Pengarah  
Pusat IDEA UKM

**YBhg. Prof. Dr. Zulkefly Abdul Karim**  
Peneraju Kluster Penyelidikan  
Transformasi Sosial dan Ekonomi  
Pusat IDEA UKM

**YBhg. Prof. Dr. Poh Bee Koon**  
Peneraju Kluster Penyelidikan  
Kesihatan dan Perubatan Termaju  
Pusat IDEA UKM

**YBhg. Prof. Dr. Norbahiah binti Misran**  
Peneraju Kluster Penyelidikan  
Teknologi Digital dan Terkehadapan  
Pusat IDEA UKM

**YBhg. Prof. Dr. Muhammad Rizal bin Razman**  
Peneraju Kluster Penyelidikan  
Sumber Lestari, Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar  
Pusat IDEA UKM

**YBrs. Prof. Madya Dr. Salasiah binti Hanin Hamjah**  
Peneraju Kluster Penyelidikan  
Warisan dan Masyarakat Madani  
Pusat IDEA UKM

**Puan Nor Eloni Nor Azmi**  
Ketua Pentadbiran  
Pusat IDEA UKM